



KENYATAAN MEDIA

Media Release

Untuk siaran segera

KAUNTER e-FILING LHDNM DIBUKA PADA Hujung MINGGU INI

Cyberjaya, 27 April – Memandangkan tarikh menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan semakin hampir iaitu 30 April 2012 dimaklumkan kaunter perkhidmatan e-Filing akan dilanjutkan masa pembukaannya. Bagi membantu pembayar cukai yang tidak mempunyai kemudahan internet untuk menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan menggunakan e-Filing, LHDNM ingin memaklumkan bahawa kaunter perkhidmatan e-Filing di semua cawangan kami akan dibuka khusus pada hujung minggu ini.

Jadual waktu pembukaan kaunter adalah seperti berikut:

NEGERI	TARIKH	MASA
Kelantan, Terengganu & Kedah	27 & 28 April 2012 (Jumaat / Sabtu)	9.00 pagi sehingga 6.00 petang
Lain-lain Negeri	28 & 29 April 2012 (Sabtu / Ahad)	9.00 pagi sehingga 6.00 petang
Semua Negeri	30.04.2012 (Isnin)	8.00 pagi sehingga 6.00 petang

Oleh yang demikian, LHDNM menyeru pembayar cukai agar menggunakan kemudahan yang telah disediakan dan memastikan Borang Nyata Cukai Pendapatan mereka dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sebarang maklumat lanjut sila layari www.hasil.gov.my atau hubungi 1-300-88-3010.

SEKIAN, TERIMA KASIH

#

Dikeluarkan oleh	:	Nor Azirah Mohd Said Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	27 April 2012
Nombor Telefon	:	03-8313 8838
Nombor Faks	:	03-8313 7835
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my